



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2023

### PEMBAYARAN FASA 1 STR 2023

#### A. Pembayaran Fasa 1

1. **S: Bilakah Pembayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Pembayaran Fasa 1 STR 2023 adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
1.	Ada Akaun Bank	Mulai <b>17 Januari 2023</b> secara berperingkat. (Dikreditkan ke akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) 2022)
2.	Tiada Akaun Bank	Tuntutan tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) <b>mulai 17 Januari 2023.</b>

2. **S: Berapakah amaun bayaran yang akan diterima oleh penerima yang layak?**

J: Amaun pembayaran Fasa 1 STR 2023 adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Amaun Bayaran
1.	Isi Rumah i. Kahwin ii. Ibu Bapa Tunggal (IBT) Mempunyai Anak	RM300
2.	Warga Emas Tiada Pasangan	RM100
3.	Bujang	RM100

3. **S: Siapakah yang layak menerima pembayaran pada Fasa 1 STR 2023?**

J: Penerima STR 2023 yang layak menerima bayaran Fasa 1 adalah merujuk kepada **penerima BKM 2022** yang telah disemak silang dengan data kematian pemohon dan pasangan sehingga 31 Disember 2022.

4. **S: Adakah saya perlu mengemaskini permohonan STR 2023 terlebih dahulu sebelum menerima pembayaran Fasa 1?**

J: Tidak. Pembayaran Fasa 1 STR 2023 adalah berdasarkan data Lulus BKM 2022.

**B. Kaedah Pembayaran Fasa 1**

5. **S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Pembayaran Fasa 1 STR 2023 berdasarkan kaedah pembayaran terakhir BKM 2022 seperti berikut:

**i. Kredit ke akaun bank**

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank penerima / pasangan secara berperingkat.

**ii. Tunai di Kaunter BSN**

Pembayaran akan dilakukan secara tunai sekiranya:

- a. Pembayaran terakhir BKM 2022 adalah secara tunai
- b. Status pengkreditan gagal kredit
- c. Tiada maklumat akaun bank.

**C. Semakan Status Pembayaran**

6. **S: Bagaimanakah saya boleh mengetahui yang saya adalah penerima bayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Semakan status bayaran boleh dibuat mulai **17 Januari 2023** melalui:

- i. Portal Rasmi Sumbangan Tunai Rahmah LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> dengan memilih menu Log Masuk MySTR > Semakan Pembayaran Fasa 1; atau
- ii. Aplikasi Semakan Sumbangan Tunai Rahmah dengan memuat turun di Play Store / App Store pada telefon bimbit; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iv. Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran.

**7. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status pembayaran melalui Portal Rasmi STR <https://bantuantunai.hasil.gov.my?>**

J: Semakan boleh dibuat pada menu Semakan Pembayaran Fasa 1 seperti berikut:

- i. Klik Log Masuk MySTR
- ii. Masukkan Nombor MyKad Pemohon
- iii. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- iv. Masukkan Kata Laluan
- v. Klik Menu Semakan Pembayaran Fasa 1
- vi. Maklumat yang akan dipaparkan
  - a. Nama Pemohon
  - b. No Mykad Pemohon
  - c. Status Permohonan
  - d. Maklumat Pembayaran Fasa 1 (jika layak bayaran fasa 1)

Kata Laluan MySTR adalah berdasarkan maklumat pada MyBKM 2022.

**8. S: Saya membuat semakan pada menu Log Masuk MySTR tetapi mesej yang dipaparkan adalah “Tidak Layak Fasa 1 STR” atau “Tiada Rekod”. Apakah yang dimaksudkan dengan status tersebut?**

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana anda bukan penerima BKM 2022 sebelum ini. (Rujuk Soalan 3)

**D. Lain-lain**

**9. S: Akaun bank yang saya telah daftarkan semasa BKM 2022 berstatus tidak aktif / tutup, bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa 1 yang saya akan terima?**

J: Pembayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank berkenaan sekiranya status pengkreditan fasa terakhir BKM 2022 adalah berjaya kredit. Tuntutan tunai di kaunter BSN hanya boleh dibuat selepas status gagal kredit dipaparkan dalam semakan portal STR. Penerima perlu hadir ke Cawangan BSN bersama kad pengenalan asal penerima bagi membuat tuntutan bayaran.

**10. S: Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun yang saya daftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Anda perlu merujuk kepada agensi berkaitan untuk mendapatkan kebenaran membuka akaun / mengaktifkan semula akaun bank sebelum tuntutan bayaran Fasa 1 dibuat.

11. **S: Penerima BKM 2022 telah meninggal dunia pada tahun 2022 tetapi menerima bayaran Fasa 1 STR 2023. Adakah pasangan / waris yang didaftarkan layak menerima bayaran tersebut?**

J: Layak. Pasangan / waris yang didaftarkan perlu hadir ke BSN untuk membuat penunaian dengan membawa dokumen sokongan yang berkaitan seperti di **Soalan 15**. Walau bagaimanapun, **keutamaan penunaian adalah kepada pasangan**. Dokumen pembuktian tambahan seperti dalam jawapan 15 (iv) diperlukan sekiranya pasangan tidak dapat hadir membuat penunaian.

12. **S: Sekiranya penerima dan pasangan BKM 2022 telah meninggal dunia pada tahun 2022, adakah waris layak bayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Tidak. Penerima STR 2023 yang layak menerima bayaran Fasa 1 adalah merujuk kepada **penerima BKM 2022** yang telah disemak silang dengan data kematian pemohon dan pasangan sehingga 31 Disember 2022.

13. **S: Sekiranya penerima BKM 2022 bagi kategori Bujang / Warga Emas tiada pasangan telah meninggal dunia pada tahun 2022, adakah waris layak bayaran Fasa 1 STR 2023?**

J: Tidak. Penerima STR 2023 yang layak menerima bayaran Fasa 1 adalah merujuk kepada **penerima BKM 2022** yang telah disemak silang dengan data kematian pemohon dan pasangan sehingga 31 Disember 2022.

14. **S: Adakah waris dibenarkan untuk membuat penunaian bagi penerima yang uzur / kurang upaya / sakit berpanjangan atau mempunyai halangan untuk membuat penunaian di BSN dan siapakah yang dibenarkan untuk menjadi waris berkenaan?**

J: Ya. Waris dibenarkan untuk membuat penunaian bagi pihak penerima **pembayaran secara tunai sahaja**. Waris yang dibenarkan untuk penunaian adalah waris yang telah didaftarkan oleh penerima semasa BKM 2022 dan mestilah terdiri daripada hubungan berikut:

- i. Pasangan
- ii. Ibu / Bapa
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

Walaupun bagaimanapun, **keutamaan penunaian adalah kepada pasangan**. Dokumen pembuktian tambahan seperti dalam Jawapan 15 (iv) diperlukan sekiranya pasangan tidak dapat hadir membuat penunaian.

Bagi pembayaran **secara pengkreditan ke akaun**, prosedur pengeluaran adalah tertakluk kepada terma dan syarat bank penerima yang telah didaftarkan.

**15. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa mewakili penerima bagi penunaan Fasa 1 STR 2023 di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dikemukakan oleh waris yang didaftarkan adalah seperti berikut:

- i. Kad pengenalan (asal atau salinan) penerima;
- ii. Kad pengenalan (asal) waris: dan
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan waris

<b>Bil.</b>	<b>Hubungan Waris</b>	<b>Dokumen Pengesahan Pertalian</b>
1.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; <b>ATAU</b> b. Sijil Lahir Anak
2.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran penerima
3.	Anak	Sijil Kelahiran Waris
4.	Anak Angkat	a. Sijil anak angkat yang dikeluarkan oleh JPN; <b>ATAU</b> b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada sijil angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Waris (anak tiri); <b>DAN</b> b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Penerima; <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Waris
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Waris (Cucu); <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Waris

- iv. Dokumen tambahan mengikut situasi penerima yang tidak dapat hadir untuk penunaan:
  - a. Surat Pengesahan daripada Penjara / Pusat Serenti (jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti); atau
    - Tempoh masa Surat Pengesahan:
      - Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara: atau
      - Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan mesti bertarikh tahun semasa (tahun 2023)
  - b. Surat pengesahan majikan dan tarikh mula dan tamat bertugas penerima yang menunjukkan bukti penerima berada di luar negara; atau
  - c. Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
  - d. Surat pengesahan yang menunjukkan penerima uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
  - e. Kad Orang Kurang Upaya (OKU)

**16 S: Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak STR 2023. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran STR 2023 yang telah diterima?**

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama Akauntan Negara Malaysia (mengikut jumlah pemulangan); dan
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Presint 2, 62592 Putrajaya**